



# Sedia berkorban demi negara tercinta

Umat Islam negara ini sekali lagi dapat menyambut hari raya Aidiladha pada tahun ini dalam suasana yang masih tenang, aman, makmur serta bersatu padu berbanding pelbagai pergolakan yang menimpa sebahagian besar umat Islam di seantero dunia. Negara kita juga terus kekal aman dan damai berbanding kebanyakan negara Islam lain terutama di Timur Tengah yang begitu kacau bilau dan tegang. Rakyat Malaysia yang berbagai kaum dan agama juga masih mampu berdiri gagah di persada antarabangsa sebagai sebuah bangsa dan negara yang maju dan bersatu padu. Kita juga berbangga apabila negara kita dijadikan sebagai contoh, rujukan dan model sebagai sebuah negara contoh berbilang bangsa.

Dalam hal ini, pergolakan politik, pergaduhan dan persengketaan antara etnik dan agama yang membawa kepada pertumpahan darah dan usaha pembersihan sesuatu etnik (*ethnic cleansing*) serta pembunuhan beramai-ramai umat Islam dengan kejam di beberapa negara luar sewajarnya menginsafkan kita betapa penting dan tingginya nilai dan erti sebuah perpaduan, keamanan dan kestabilan. Hakikatnya apa yang kita ada pada hari ini tidak datang bergolek begitu saja. Bukan sedikit detik keperihan, kesusahan dan pengorbanan yang terpaksa dilalui dan dilakukan nenek moyang kita suatu ketika dulu demi membentuk dan mewujudkan sebuah negara berbilang bangsa yang ada pada ketika ini.

Justeru bersempena dengan Aidiladha atau lebih sinonim dengan panggilan hari raya korban ini marilah kita seluruh rakyat Malaysia berikrar, berjanji dan bertekad akan terus mensyukuri segala nikmat yang kita ada pada hari ini seterusnya akan bangkit mempertahankannya sehingga ke titisan darah yang terakhir. Bagi umat Islam, hari raya korban mempunyai nilai signifikan yang cukup tinggi yang memperlihatkan nilai pengorbanan, keikhlasan dan kesanggupan terpuji yang perlu dihayati dan dimiliki oleh setiap individu Muslim. Namun demikian, konsep pengorbanan ini sebenarnya juga amat signifikan dan perlu dihayati dalam konteks Malaysia sebagai sebuah negara yang berbilang bangsa. Apa yang jelas pada ketika ini kita bukan berhadapan dengan ancaman dan musuh dari luar seperti komunis dan penjajah yang ditentang oleh nenek moyang kita suatu ketika dulu terutama dalam usaha menuntut kebebasan dan kemerdekaan sebaliknya kita sedang berhadapan dengan segelintir rakyat kita sendiri yang

begitu mudah alpa dan lupa tentang asas pembentukan negara ini.

Lantas tindak tanduk mereka sering mengancam dan mencabar kedaulatan undang-undang serta jambatan perpaduan yang ada. Ancaman bersifat dalaman ini dilihat semakin hari semakin memuncak, merebak dan mula mencetuskan pelbagai polemik, konflik dan situasi tegang sesama rakyat kita. Ancaman ini jika dibiarkan berleluasa dikhuatiri boleh menghancurkan segala apa yang telah kita bina, pertahankan dan nikmati sekian lama.

Antara isu yang menjadi ancaman kepada negara kita mutakhir ini ialah masalah persengketaan antara kaum yang merangkumi isu hak kesamarataan, hak keistimewaan, isu agama, perbezaan ideologi politik serta persoalan tentang beberapa perkara sensitif dalam Perlembagaan. Ternyata ancaman dalaman seperti ini lebih bahaya dan serius berbanding anasir luar dan memandangkan ia melibatkan isu sensitif maka kita perlu tangannya secara berhemah dengan segera. Satu-satunya cara dan kaedah terbaik untuk kita menangani isu dalaman seperti ini ialah menyuburkan dan membudayakan kembali konsep

pengorbanan dan tolak ansur dalam diri setiap rakyat Malaysia. Hanya melalui cara ini kita yakin setiap individu rakyat tanpa mengira umur, jantina, agama dan kaum akan merasakan diri mereka bertanggungjawab untuk melakukan sedikit pengorbanan terutama mengorbankan ego masing-masing dengan bertolak ansur dalam beberapa perkara yang ditimbulkan demi menjaga dan memelihara keamanan negara dan keharmonian di antara kaum.

Untuk itu, tidak cukup jika hanya orang Islam saja yang menghayati konsep pengorbanan melalui hari raya korban ini sebaliknya umat Islam negara ini wajib menghebahkan dan menjadi suri teladan kepada rakan dari agama dan kaum lain supaya turut sama menghayati dan

**Kemajmukan,  
keunikan dan  
kepelbagaian yang  
sedia ada  
bersama-sama dengan  
jambatan perpaduan  
yang telah dibina  
selama ini wajib terus  
dipertahankan**

membudayakan konsep pengorbanan mengikut ajaran dan kepercayaan agama dan pegangan masing-masing dalam konteks sebagai sebuah bangsa Malaysia. Hal ini tidak mustahil berlaku kerana kita percaya semua agama menyeru ke arah kebaikan dan kesederhanaan melalui budaya pengorbanan dan tolak ansur mengikut amalan dan cara masing-masing.

Generasi hari ini perlu sentiasa insaf dan sedar bahawa pengorbanan generasi terdahulu tiada tolok bandingannya. Buktinya, generasi pada hari ini sedang menikmati hasil tanaman yang ditanam dan dibajai oleh generasi terdahulu dalam bentuk perpaduan nasional yang utuh melalui perjanjian keramat kontrak sosial yang kemudian menjadi asas pembentukan Perlembagaan Persekutuan. Justeru apa yang diharapkan ialah generasi yang ada pada hari ini akan insaf dan segera mengambil iktibar daripada peristiwa pengorbanan generasi terdahulu agar kita terus kekal aman dan makmur sepanjang masa. Dalam hal ini kita sama sekali tidak boleh lupa sejarah pembentukan negara ini. Malangnya majoriti daripada kita hanya menelaah tentang sejarah negara untuk lulus

peperiksaan ketika berada di bangku sekolah semata-mata yang kemudian lupa begitu saja serta gagal untuk menghayatinya apatah lagi mengamalkannya.

Justeru, apa yang diharapkan ialah bersempena dengan hari raya korban ini, semua kaum dan setiap individu rakyat Malaysia dapat bermuhasabah diri dan melihat kembali sejarah pembentukan negara ini. Hormati dan hargailah segala pengorbanan nenek moyang kita. Korbanlah sedikit ego, kepentingan, kemahuan, prejudis dan ketamakan kita demi negara tercinta ini. Bersama-samalah kita menyuburkan kembali budaya pengorbanan dalam diri masing-masing agar negara kita terus aman dan makmur sepanjang masa. Kemajmukan, keunikan dan kepelbagaian yang sedia ada bersama-sama dengan jambatan perpaduan yang telah dibina selama ini wajib terus dipertahankan. Janganlah esok umpama sudah kecurian baru hendak mengunci pintu dan tanyalah pada diri masing-masing apa yang sanggup kita korbakan untuk negara tercinta ini.

**Penulis Timbalan Pendaftar  
Fakulti Kejuruteraan  
Universiti Putra Malaysia**

## Dialog Kotaraya

## Oleh Juragan

